

PM tak tahu kesahihan PASLeak

Minit mesyuarat didakwa dedah taktik PN jatuhkan UMNO, BN sebelum PRU-15

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my


Putrajaya: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyatakan tidak mengetahui mengenai kesahihan dokumen digelar PAS-

Leak yang dikatakan mendedahkan taktikal politik Perikatan Nasional (PN) merancang menjatuhkan UMNO dan Barisan Nasional (BN) sebelum Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Bagaimanapun, Perdana Menteri tidak mengulas lanjut mengenai perkara itu.

“Kita pun tidak tahu dokumen itu betul atau tidak,” katanya.

Perdana Menteri ditemui selepas Perasmian Sesi Taklimat Umum dan Pelancaran Buku Keluarga Malaysia Keluarga Sejahtera di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di si-



Ismail Sabri bersama Idris dan Ahmad Marzuk (kanan) pada Perasmian Sesi Taklimat Umum dan Pelancaran Buku Keluarga Malaysia Keluarga Sejahtera di PICC, Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

ni, semalam.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Idris Ahmad dan Timbalannya, Datuk Ahmad Marzuk Shaary.

Satu dokumen didakwa minit mesyuarat sebuah parti politik yang mendapat jolokan PASLeak didakwa mendedahkan taktikal

politik PN merancang menjatuhkan UMNO dan BN sebelum PRU-15.

Kelmarin, Setiausaha Agung PN, Datuk Seri Hamzah Zainudin menafikan wujud perbincangan dalaman untuk menjatuhkan UMNO dan BN seperti didakwa terkandung dalam dokumen minit mesyuarat yang tersebar.

Sebelum itu, Naib Presiden PAS, Datuk Seri Dr Ahmad Samhuri Mokhtar, dilaporkan berkata dokumen minit mesyuarat yang didakwa mengandungi maklumat sulit itu sebagai ‘sampah’, selain mengakui hairan kerana ada pihak yang dipercayai ‘kesahihan’ dokumen tersebut.